

Psikoterapi dan Pembolehubah Konsep Kendiri

(PART 2)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

1.1 Kendiri dan Konsep Kendiri

Sebelum membincang lanjut dalam “perubahan kendiri”, biar kami halusi konsep “kendiri” dan “konsep kendiri” terlebih dahulu sebagai asas untuk perbincangan perubahannya. Kertas kerja ini akan merujuk kepada tiga model kendiri dan konsep kendiri iaitu model perkembangan kendiri oleh Hamachek (1992), struktur konsep kendiri oleh Burns (1979) dan struktur konsep kendiri oleh Kash & Borich (1978) dalam perbincangan bahagian ini.

1.1.1 Model perkembangan kendiri Hamachek

Hamachek (1992) meminjam konsep daripada model kendiri yang pertama diperkenalkan oleh William James (1890) yang membahagikan “kendiri” kepada dua aspek iaitu “kendiri pelaku” (self-as-doer , I) dan “ kendiri objek” (self-as-object, Me). Menurut beliau, dengan berbekalkan kesedaran diri, “kendiri pelaku” dapat berfungsi untuk “mengerti” (perceiving), “melaksana” (performing), “berfikir” (thinking) dan “mengingat” (remembering) sebagai proses pengalaman seseorang itu. Proses pengalaman ini adalah menjadi asas yang membina identiti dan konsepsi kendiri.

Apabila kesedaran diri ini ditujukan kepada pengenalan kendiri, kendiri akan menjadi objek kepada proses pengalaman tersebut. Maka proses pengenalan diri akan bermula dan terbentuknya “kendiri objek” yang mempunyai sifat-sifat fizikal(imej/ rupa bentuk), sosial (identiti), emosi (perasaan) dan intelek (isi pemikiran).

Dalam model perkembangan kendiri Hamachek, kedua-dua proses ini adalah saling mempengaruhi dan sentiasa berkembang. Maksudnya, “pengalaman kendiri” seseorang sentiasa mempengaruhi “kandungan kendiri” seseorang dan sebaliknya. “Pengalaman kendiri” ini adalah bahagian “I” dan “kandungan kendiri” adalah bahagian “Me”. Proses perkembangan kendiri ini dapat dilihat dalam gambarajah 1.1.1.

Apabila kedua-dua bahagian ini bergabung, maka akan terbentuknya dua komponen sendiri iaitu komponen sendiri dari segi kognitif dan afektif. Komponen kognitif sendiri dinyatakan Hamachek sebagai konsep sendiri seseorang di mana komponen afektif sendiri dinyatakan sebagai estim diri seseorang.

Mengikut takrifan Hamachek(1992), konsep sendiri adalah kelompok idea atau sikap tertentu yang kami ada terhadap kami sendiri pada masa tertentu. Ia adalah struktur kognitif kami yang tersusun yang ditakrifkan daripada pengalaman kami. Struktur kognitif ini terdiri daripada tiga bahagian yang penting iaitu sendiri pengertian (perceived self), sendiri sebenar (real self) dan sendiri ideal (ideal self).

Kendiri pengertian merupakan bahagian konsep sendiri yang berasaskan pengenalan sendiri oleh seseorang itu. Ia bergantung pada bagaimana caranya seseorang itu mengenal dirinya. Maksudnya, seseorang itu mungkin mengenal dirinya melalui satu sistem nilai tersendiri, ataupun melalui maklum balas dan penilaian orang lain. (Sullivan, 1947) Kendiri sebenar pula seperti mana yang dinyatakan oleh Horney (1950) sebagai bahagian sendiri yang selalunya hanya dapat dikenali secara objektif melalui pengujian klinikal yang profesional. Kendiri ideal adalah bahagian konsep sendiri yang menyatakan personaliti idaman seseorang itu. Bahagian ini boleh dibentuk melalui proses identifikasi kepada orang yang disanjung.

Komponen afektif sendiri pula merujuk kepada estim diri. Ia dijelaskan sebagai perasaan terhadap kepentingan atau kebertandingan seseorang itu. Sememangnya ia boleh dikatakan sebagai hasil afektif daripada proses pengalaman dan pengenalan yang sama. Oleh sebab ia lebih berasaskan penilaian diri, maka ia turut lebih dipengaruhi hasil penilaian yang sama ada positif atau negatif.

Menurut Hamachek, pergabungan komponen kognitif dan afektif ini akan membentuk personaliti seseorang. Dan personaliti inilah yang akan menentukan keputusan dan kelakuan seseorang.

CONTINUE...